Journal of Al-Tamaddun, Vol. 16 (2), 2021, 31-47
https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no2.3

Idea Pembentukan Pemerintahan Ibn Khaldun dan Asas Pembinaan Kesultanan Melaka dari Kurun Ke-15 hingga 16
(*The Idea of Ibn Khaldun's Governance, and the Base for the Construction of the Sultanate of Melaka from the 15th to 16th Centuries*)

Noorilham Ismail,* Mohd Kasturi Nor Abd Aziz,** & Zarifah Arsani***

Abstrak

Kajian ini menumpukan terhadap gagasan idea Ibn Khaldun mengenai pemerintahan dengan menjadikan kesultanan Melaka pada kurun ke-16 sebagai fokus perbincangan. Objektif utama kajian ini adalah untuk memperlihatkan pembinaan kesultanan Melaka dalam kerangka teori kitaran, semangat *asabiyyah* dan konsep '*umran* menurut pandangan Ibn Khaldun. Garis perbincangan ini melibatkan tempoh awal penubuhan kesultanan Melaka sehinggalah zaman kejatuhannya apabila bermulanya penjajahan pihak Portugis pada 1511. Kajian ini berdasarkan karya *Muqaddimah* dan naskhah *Sulalat us-Salatin* (Sejarah Melayu) sebagai sumber utama perbincangan bagi menghubungkan idea pembentukan pemerintahan menurut Ibn Khaldun untuk menjelaskan perihal pemerintahan kesultanan Melaka dari kurun ke-15 hingga 16 Masihi. Analisis berpandukan kaedah kualitatif yang dibuat pada akhirnya sampai kepada kesimpulan bahawa pembinaan kesultanan Melaka adalah selari dengan gagasan idea oleh Ibn Khaldun mengenai teori sebuah tempoh pemerintahan. Dengan itu, pendekatan intertekstual yang digunakan ini diharapkan dapat menghasilkan satu hujahan yang autoritatif dan informatif mengenai hubungkait antara idea Ibn Khaldun dengan pembinaan kesultanan Melaka pada kurun ke-15 hingga 16 Masihi.

Kata kunci: Ibn Khaldun, kesultanan Melaka, teori kitaran, semangat *asabiyyah*, konsep *'umran*

Abstract

This study focuses on the idea of Ibn Khaldun's governance by focusing on the Sultanate of Melaka in the 16th century. The primary goal of this research is to demonstrate the development of the Melaka Sultanate through the lens of cycle theory, the spirit of asabiyyah, and the concept of 'umran as defined by Ibn Khaldun. The timeline discusses the early establishment of the Sultanate of Melaka until its fall at the start of Portuguese colonisation in 1511. The study used Muqaddimah and Sulalat us-Salatin (Sejarah Melayu) as the main source for discussion of various ideas to explain Ibn Khaldun's ideas about the reign of the Melaka sultanate from the 15th century to 16 AD. The qualitative method-guided analysis concluded that the Melaka Sultanate was built in accordance with Ibn Khaldun's theory of one-time rule. Thus, the intertextual differences employed are expected to yield an authoritative and informative argument on the relationship between Ibn Khaldun's ideas and the construction of the Melaka sultanate in the 15th to 16th centuries AD.

Keywords: *Ibn Khaldun, Melaka Sultanate, cycle theory, asabiyyah spirit, 'umran concept*

Pendahuluan

Asas pembinaan sebuah kerajaan terletak sama ada dari segi aspek abstrak ataupun konstrak sesuatu binaannya. Pembinaan berkenaan hanya dapat diperkukuhkan dengan perkara yang bukan sahaja terbatas dari segi material tetapi turut diperlihat dari segi keutuhan ikatan sosial dan keluhuran spiritual. Dalam menggagaskan aspek-aspek berkenaan Ibn Khaldun,[1] seorang sarjana dari benua Afrika Utara

* Noorilham Ismail (M.A.) (corresponding author), History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 MINDEN, Pulau Pinang, Malaysia. Email: noorilham_ismail@yahoo.com.
** Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (Ph.D), Senior Lecturer at Centre for Liberal Sciences, Faculty of Applied and Human Sciences, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 01000 Kangar, Perlis, Malaysia. Email: kasturi@unimap.edu.my.
*** Zarifah Arsani, History Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Minden, Malaysia. Email: zarf5994@gmail.com.

[1] Beliau ialah 'Abd al-Rahman bin Abi 'Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Abi Bakr Muhammad bin al-Hasan bin Muhammad bin Jabir bin Muhammad bin Ibrahim bin 'Abd al-Rahman bin Khaldūn (Khalid) bin 'Uthman al-Hadrami al-Maliki atau gelarannya yang terkenal sebagai Ibn Khaldun. Untuk kedudukan beliau dalam dunia politik, beliau telah menjawat jawatan *Sahib al-'Allamah* (Tunis), Setiausaha Sultan Abu 'Inan (Fez, Maghribi), Setiausaha Sulit Sultan Salim (Fez), Ketua delegasi Sultan Muhammad V ke Granada bagi memeterai

(Tunis) telah membincangkannya lebih awal lagi iaitu pada pertengahan kurun ke-14 Masihi melalui karya beliau, *Muqaddimah*. Analisis beliau telah tertumpu kepada kerajaan-kerajaan Islam yang pernah berdiri megah seperti kerajaan Andalusia, Kerajaan Abbasiyah dan tidak ketinggalan kerajaan-kerajaan Islam yang berada di persekitaran wilayah tempat tinggal beliau. Idea-idea beliau mengenai pembianaan sebuah kerajaan itu terletak pada teori kitaran sebuah dinasti (*cyclical theory*), semangat asabiyyah dan juga keluhuran dalam organisasi sosial (‘*umran*). Bertitik tolak daripada itu, kajian ini akan menggunapakai gagasan idea Ibn Khaldun berkenaan bagi menjelaskan pembinaan dan kejatuhan kesultanan Melaka di Alam Melayu. Meskipun dari segi geografi, kedudukan Melaka terpisah sama sekali daripada kerajaan-kerajaan Islam yang dinyatakan tadi, tetapi kajian ini akan cuba menyesuaikan gagasan idea Ibn Khaldun berdasarkan karya *Muqadimah*nya dengan hujahan yang autoritatif dan informatif.

Bagi kajian-kajian sebelum ini, terdapat beberapa sarjana yang cuba untuk mengaplikasikan idea-idea Ibn Khaldun dalam kerangka pembinaan sebuah kerajaan mahupun empayar Islam. Sarjana seperti Syed Farid Alatas, Muhammad ‘Uthman El-Muhammady, Mahayudin Haji Yahaya, Muhsin Mahdi, Muhammad R. Salama,Stephen F. Dale, Aiza Maslan, Abd Aziz A’zmi dan Farrah Wahida Mustafar telah cuba menjalankan kajian mengenai aplikasi idea-idea daripada Ibn Khaldun. Namun demikian, tidak ada satupun kajian-kajian daripada sarjana terbabit yang cuba mengaplikasikan idea-idea Ibn Khaldun terhadap pembinaan kesultanan Melaka pada kurun ke-16. Kajian oleh Dale, Salama, El-Muhammady dan Muhsin Mahdi hanya membincangkan soal idea pembinaan kerajaan secara umum termasuk juga kajian mengenai kebudayaan dalam sesebuah kerajaan menurut pandangan Ibn Khaldun.[2] Selain itu, Alatas dan Mahayudin turut cuba menghubungkan idea-idea Ibn Khaldun terhadap pembinaan sebuah kerajaan tetapi Alatas hanya mengaplikasikan idea Ibn Khaldun ke atas pembinaan empayar Uthmaniyah, empayar Safavid, kerajaan Arab Saudi moden dan Syria manakala Mahayudin hanya menumpukan terhadap aplikasi konsep ‘*umran* ke Alam Melayu secara umum.[3] Percubaan yang paling hampir untuk menggunakan idea Ibn Khaldun bagi analisis ke atas kesultanan Melaka datang dari kajian Aiza, Aziz dan Farrah yang hanya memfokuskan kerangka kajian mereka dalam konteks kejatuhan kesultanan Melaka semata-mata.[4] Oleh sebab itu, kajian ini akan mengisi kekosongan di atas kelompangan yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji di atas bagi mengaplikasikan idea Ibn Khaldun kepada pembinaan kesultanan Melaka pada kurun ke-16.

Untuk itu, pendekatan yang akan digunakan terhadap kajian ini adalah bersifat intertekstual apabila manuskrip *Sulalat us-Salatin* (Sejarah Melayu) akan digunakan sebagai sumber perihal kesultanan Melaka. Manuskrip-manuskrip tersebut terdiri daripada karya *Sulalat us-Salatin* oleh Ahmat Adam, Muhammad Haji Salleh dan Shellabear. Perbezaan terhadap suntingan ini adalah dari segi versi naskhah yang terdiri daripada versi-versi berlainan seperti versi edisi Krusenstern yang disunting oleh Ahmat Adam, edisi Raffles MS No. 18 oleh Muhammad Haji Salleh dan versi Shellabear.[5] Bagi karya *Muqaddimah Ibnu Khaldun*, edisi yang digunakan adalah naskhah asal Arab (732-808 H)[6] dan terjemahan oleh Franz Rosenthal (1967).[7] Sumber-sumber ini kemudiannya akan diolah selaras dengan

---

perjanjian perdamaian dengan pemerintah Kristian, Pedro di Seville (Sepanyol). Beliau turut diberi kepercayaan menjawat jawatan Perdana Menteri pada zaman Sultan Abu Abdullah Muhammad (Bougie) dan kemudiannya menjadi Ketua Kadi bagi Mazhab Maliki sebanyak enam kali dari tahun 1384-1402. Sila rujuk, Ahmad Sunawari Long (ed.) (2017), *Falsafah Ibnu Khaldun*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, h. vii.

[2] Stephen F. Dale (2015), *The Orange Trees of Marrakesh: Ibn Khaldun and the Science of Man*, Cambridge: Harvard University Press; Muhammad R. Salama (2011), *Islam Orientalism and Intellectual History: Modernity and the Politics of Exclusion Since Ibn Khaldun*, New York: I. B. Tauris; Muhammad ‘Uthman El-Muhammady (2009), “The Significance of Malakah in Ibn Khaldun’s Discourse,” dalam Osman Bakar dan Baharudin Ahmad (ed.), *Proceeding International Conference: Ibn Khaldun’s Legacy and Its Significance*, Kuala Lumpur: ISTAC; Muhsin Mahdi (2014), *Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun: Kajian tentang Dasar Falsafah Ilmu Budaya*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

[3] Syed Farid Alatas (2014), *Applying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*, London: Routledge, h. 92-150; Mahayudin Haji Yahaya (2013), *Umran* dan Aplikasinya Di Alam Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 6, Bil.1, h. 1-33.

[4] Aiza Maslan @ Baharudin (2000), “Teori ‘Umran Ibn Khaldun: Kajian Khusus Kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan Kebangkitan Kuasa Portugis di Melaka,” Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 72-100; Abd Aziz A’zmi dan Farrah Wahida Mustafar (2020), “Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun,” *Jurnal Tuah*, Jil. 1, Bil. 1, h. 1-23.

[5] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u’s- Salatin*: *Yakni Pertuturan Segala Raja-Raja Dialih Aksara dan Disunting dengan Kritis, serta Diberi Anotasi dan Pengenalan*, Zainal Abidin Borhan (ed.), Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, h. 99. Lihat juga, Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka; Muhammad Haji Salleh (ed.) (1997), *Sulalat Al-Salatin Ya’ni Pertuturan Segala Raja-Raja* (Sejarah Melayu), Karangan Tun Seri Lanang, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka; W. G. Shellabear (1961), *Sejarah Melayu*, Singapura: Malaya Publishing House.

[6] Ibn Khaldun (732-808 H), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), Maktabah Hidayah: Damaskus.

[7] Ibn Khaldun (1967), *The Muqaddimah: Abd Ar Rahman bin Muhammed Ibn Khaldun*, Franz Rosenthal (terj.), New York: Routledge.

isu yang akan menjadi fokus perbincangan dan kronologi perbincangannya akan disusun dan disokong oleh hujahan sumber sekunder lain yang terdiri daripada buku, jurnal dan tesis kedoktoran.

Untuk kajian ini, kepentingannya terletak pada pembuktian bahawa gagasan idea Ibn Khaldun dari *Muqaddimah* adalah sesuai dalam membicarakan asas pembinaan kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke-16. Hal ini kemudiannya dapat menjelaskan bahawa idea Ibn Khaldun mengenai pembinaan sesebuah kerajaan bukanlah satu yang idealistik atau pun tidak praktikal. Dalam masa yang sama, kajian ini turut berusaha untuk menggambarkan soal kegemilangan dan kejatuhan empayar Melaka yang terletak dalam lingkungan kitaran sebuah perjalanan tamadun. Sekiranya elemen asas sesebuah tamadun itu semakin pudar, maka semakin cepatlah tempoh kejatuhan setiap kerajaan terbabit. Selain itu, kajian ini dapat menyediakan satu idea alternatif bagi mengolah perihal sebuah ketamadunan di timur supaya tidak terikat secara mutlak dengan perspektif barat kerana idea dari timur juga mampu mengungkap perbahasan objektif satu-satu peradaban. Pada akhirnya, kajian lanjutan dari kajian ini diharapkan boleh dihasilkan oleh mana-mana pengkaji selepas ini dari segi kaitan idea Ibn Khaldun dengan asas pembinaan empayar Melayu Melaka dalam kurun ke-16.

Gagasan Idea Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* Tentang Asas Pembinaan Pemerintahan Dinasti

Bagi naskhah *Muqaddimah* yang ditulis pada kurun ke-14, terdapat tiga komponen idea penting sebagai ruang analisis untuk kajian ini iaitu teori kitaran (*cyclical theory*), semangat *asabiyyah* (*group feeling*) dan konsep '*umran* yang menjelaskan ruang peradaban.

(i) Teori kitaran

Melalui konsep ini, Ibn Khaldun menghujahkan bahawa satu-satu dinasti pemerintahan yang muncul akan mengalami tahap pemulaan perkembangan dan kejatuhan. Tahap-tahapnya akan berlangsung selama empat generasi atau paling lama pun hanya dapat mencecah hingga lima atau enam generasi. Menurut pandangan beliau, kesemua generasi itu akan bertahan selama 120 tahun dan peringkat setiap generasi digambarkan sebagai "Empat generasi dapat dijelaskan sebagai pembangun, orang yang bergantung pada tradisi dan pemusnah. Tidak ada lebih sedikit."[8]

(ii) Semangat *Asabiyyah*

Selain itu, gagasan idea Ibn Khaldun yang menerangkan sebuah dinasti pemerintahan ialah semangat *asabiyyah* atau iaitu dalam erti kata mudahnya satu perasaan kekitaan yang terjalin atas ikatan darah satu-satu kumpulan manusia. Konsep ini menurut beliau akan menyatukan kumpulan manusia yang pada awalnya hidup terpisah-pisah dan berpindah-randah (*badwiah*) yang kemudiannya menginterpretasikan satu ikatan kukuh untuk sebuah masyarakat menetap. Ibn Khaldun turut berpendirian bahawa melalui semangat asabiyyah yang positif ini, sebuah kerajaan itu dapat berdiri seperti keterangan beliau:

> الميزة الوراثية (عادة) تتكون من مشاعر المجموعة التي تنشأ منها والتي تؤدي إلى الحب والمساعدة.) ...
> حيثما تكون المشاعر الجماعية رائعة حقًا وتظل الأرض مقدسة، تكون الميزة الوراثية (العامة) أكثر وضوحًا
> ((من أي مكان آخر) ، وتكون (المشاعر الجماعية) أكثر تأثيرًا
>
> … kelebihan keturunan (biasa) terdiri daripada perasaan kumpulan yang berasal daripadanya dan yang membawa kepada kasih sayang dan tolong menolong. Di mana sahaja perasaan kumpulan benar-benar hebat dan tanahnya tetap suci, kelebihan keturunan (umum) lebih jelas (daripada di tempat lain), dan (perasaan kumpulan) lebih afektif.[9]

(iii) Konsep '*umran*

Di samping itu, Ibn Khaldun menamakan karya sosiologinya sebagai *al-'umran* atau *al-ijtima' al-bashari* yang diterjemahkan sebagai ilmu organisasi sosial atau masyarakat.[10] Kajiannya mengenai sifat masyarakat dan perubahan sosial membawanya untuk berkembang dengan hal yang dilihatnya sebagai "sains budaya" yang baru, dan yang beliau definisikan sebagai:

---

[8] Ibn Khaldun (732-808 H), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 77.
[9] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 119.
[10] Nor Mohammad Osmani & Abu Sadat Nurullah (2009), "Ibn Khaldun's Muqaddimah and 'Ilm Al-'Umran: An Analysis," dalam Osman Bakar dan Baharudin Ahmad (ed.), *Proceedings International Conference Ibn Khaldun's Legacy And Its Significance*, Kuala Lumpur: ISTAC, h. 90.

هذه المعرفة ... لها موضوعها الخاص، أي المجتمع البشري، ومشاكلها الخاصة، أي التحولات الاجتماعية)
الناجحة لبعضها البعض في طبيعة المجتمع ... من خلال النظر إلى المجتمع البشري ، وهو علم الاجتماع، والتمييز
(بين الظروف المتعلقة به، و تختلف طبيعتها عن كونها عرضية فقط، وعن غيرها التي لا يمكن أن تنشأ

> Ilmu ini … mempunyai subjeknya sendiri, yakni masyarakat manusia, dan masalahnya sendiri, iaitu, transformasi sosial yang berjaya satu sama lain dalam sifat masyarakat… Dengan melihat ke dalam masyarakat manusia, yang merupakan sosiologi, dan untuk membezakan keadaan berkaitan dengannya, dan sifatnya berbeza dari yang hanya sesekali, dan yang lain yang tidak dapat timbul.[11]

Dalam hal ini, ketiga-tiga komponen gagasan idea Ibn Khaldun tentang sebuah pemerintahan dapat dijalinkan dalam satu wacana intelektual. Bermula dengan teori kitaran yang boleh dijadikan kerangka perbincangan sebuah pemerintahan dan diperkukuhkan dengan semangat *asabiyyah* sebagai intipati pembinaannya sebelum diterjemah ke dalam konsep '*umran* bagi menjelaskan tahap berikutnya iaitu pencapaian sebuah peradaban. Justeru, gagasan ini akan digunakan sebagai jalur analisis dengan menjadikan pembinaan kesultanan Melaka sebagai fokus perbincangan pada bahagian seterusnya.

Latar Belakang Kewujudan Kesultanan Melaka

Kemunculan Melaka pada kurun ke-15 dalam peta perdagangan antarabangsa merupakan satu perkara yang telah didorong daripada pelbagai aspek. Bermula dengan kedudukan geografi yang strategik di tengah-tengah laluan timur dan barat telah menyebabkan kawasan ini menjadi tumpuan para pedagang sama ada dari China, Arab mahupun India. Di peringkat serantau, kedudukan Melaka ini turut dihubungkan dengan wilayah lain seperti kerajaan Pasai, Jawa, Banjarmasin dan Siam meskipun wujud pasang surut dalam jaringan perhubungan terbabit.[12] Lebih signifikan lagi apabila Melaka kemudiannya telah dihidupkan oleh satu sistem pemerintahan sistematik yang diterajui oleh pemerintah yang bijaksana dan didukung oleh ketaatan rakyat. Ekoran daripada itu, Melaka telah berdiri sebagai kerajaan yang utuh di rantau Asia Tenggara hingga berlakunya peluasan wilayah sebelum diterima atas nama sebuah empayar.

Mengenai kedudukan Melaka yang strategik di pentas rantau Asia Tenggara, ramai sarjana yang menyifatkan perkara ini sebagai satu anugerah semula jadi. Kelebihan yang ada pada Melaka ini kemudiannya turut menarik minat penjajah dari Eropah yang terdiri daripada Portugis, Sepanyol dan Belanda yang semakin mempergiatkan usaha bagi menguasai Melaka. Sarjana seperti Peter Borschberg menerangkan perkara ini dengan kenyataan bahawa: "*Long before the age of European colonialism, this region emerged as one of the historically most significant maritime meeting points in Asia… The wealth generated by trade and commerce within and through this zone was almost legendary. By the late 1400s and early 1500s, merchants and traders from Western Europe had entered the stage.*"[13]

Melalui kenyataan tersebut, persekitaran geografi jelas membantu pertumbuhan Melaka sebagai titik pertemuan pelabuhan entreport. Hal ini diperkukuhkan dengan kedudukan Melaka yang disokong oleh wilayah kekuasaannya seperti Pahang, Johor, Rokan, Aru, Riau, Kampar dan Terengganu. Bagi tarikh pembukaan kesultanan Melaka itu sendiri, terdapat beberapa percanggahan daripada sarjana dari segi tempoh masa Melaka itu dibuka dan menjadi sebuah kerajaan. Pada tahun 2012, pihak Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) telah memutuskan tarikh pembukaan kerajaan Melaka adalah 1262 Masihi.[14] Ketetapan tersebut telah dibuat berdasarkan manuskrip *Sulalat us-Salatin* edisi Raffles MS. No. 18 di London. Bagi Ahmat Adam pula, beliau telah menolak sama sekali tarikh-tarikh

---

[11] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 23.

[12] Sarjana seperti Muhammad Yusoff Hashim yang telah menyifatkan kurun pertama pemerintahan Melaka sebagai satu tempoh penting mengenai perihal kerajaan Melaka sebagai lokasi penting di Alam Melayu dan perkara ini disokong oleh sumber-sumber sejarah lainnya. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Muhammad Yusoff Hashim (2015), *Kesultanan Melayu Melaka Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3-22.

[13] Peter Borschberg (2015), *The Singapore and Melaka Straits: Violence, Security and Diplomacy in the 17th Century*, Singapore: NUS Press, h. 17.

[14] Kesepakatan tarikh 1262 Masihi ini telah dibuat oleh tiga orang pengkaji yang terdiri daripada Abdul Rahman Ismail, Abdullah Zakaria Ghazali dan Zulkanain Abdul Rahman melalui kiraan pada tempoh pemerintah pertama Melaka iaitu Megat Iskandar Shah (Parameswara). Jauh sebelum itu, Petrus van der Vorm (1664-1731) mengemukakan tarikh 573 Hijrah atau 1177 Masihi sebagai tarikh pembukaan kerajaan Melaka manakala Francois Valentijn (1666-1727), pada sekitar tahun 1726 telah menyatakan bahawa Melaka telah dibuka pada kira-kira tahun 1160. Sila lihat, Abdul Rahman Haji Ismail, et. al. (2012), *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka 1262*, Melaka: IKSEP.

yang dikemukakan oleh pengkaji sebelum ini. Beliau telah berpendirian bahawa Melaka dibuka dan berjaya dibangunkan sebagai sebuah kerajaan pada kurun ke-16 melalui sokongan daripada catatan Cina dan manuskrip *Sulalat us-Salatin* edisi Krusenstern.[15]

Seperkara lagi, kesultanan Melaka turut dicirikan dengan identiti Islam sebagai anutan yang membentuk cara hidup dari pemerintah hingga ke masyarakat. Perkara ini dinyatakan dalam manuskrip *Sulalat us-Salatin* yang menjelaskan tahap-tahap pengislaman kesultanan Melaka pada kurun ke-15 melalui kedatangan para ulama khususnya dari Semenanjung Tanah Arab. Dalam hal ini, manuskrip *Sulalat us-Salatin* menggambarkan kedatangan Islam ke Melaka adalah melalui seorang ulama iaitu Sayid Abdul Aziz dari Jedah apabila beliau mendirikan solat sebaik sahaja berlabuh di pantai Melaka.[16] Teori kedatangan Islam ini selaras dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang sebelum ini pernah mengeluarkan kenyataan bahawa Islam di Alam Melayu disebarkan oleh ulama dari Tanah Arab. Jaringan penyebaran Islam itu kemudiannya tersebar bukan sahaja di Melaka tetapi turut melibatkan kawasan seperti Perlak, Samudera Pasai (kemudiannya Aceh), Sulu, Mindanau dan termasuk wilayah di Borneo terutamanya di Sandakan, Sabah.[17]

Dalam konteks sezaman, proses Islamisasi ke atas wilayah-wilayah di Alam Melayu turut bergerak seiring dengan perkembangan Islam dalam kesultanan Melaka itu sendiri. Untuk kawasan pantai timur Semenanjung Tanah Melayu misalnya, catatan pada Batu Bersurat Terengganu telah membuktikan perkara ini apabila Islam dinyatakan telah tiba pada tahun 702 Hijrah bersamaan 1303 Masihi.[18] Sebahagian daripada kawasan Thailand pada hari ini turut pernah menjadi lokasi penyebaran Islam apabila wilayah Sharnawi (Ayutthaya) menjadi pintu masuk kepada kesenian, kebudayaan, falsafah dan keintelektualan dari Iran (Parsi) pada kurun ke-14 Masihi.[19] Keadaan ini membuktikan bahawa kemunculan kesultanan Melaka sebagai sebuah pemerintahan berteraskan Islam bukanlah satu perkara asing dalam konteks zamannya kerana terdapat wilayah lain di Alam Melayu yang turut mengalami proses pengislaman.

Mengulas perihal kedatangan Islam ke Melaka itu juga, perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah dari segi sikap terbuka daripada pemerintah di samping yang diperintah. Situasi ini terjadi kerana setiap individu dalam kesultanan Melaka pada masa itu berada dalam keadaan bersedia menerima apa-apa yang difikirkan baik untuk kehidupan mereka. Keadaan ini terjadi kerana masyarakat Melaka sudah dibentuk sebagai sebuah masyarakat menetap yang mempunyai tatasusila luhur dan selari dengan kandungan Islam yang bersifat syumul. Justeru, perbincangan pada bahagian berikutnya akan cuba menghubungkan antara gagasan idea Ibn Khaldun mengenai pembentukan sebuah pemerintahan dengan menjadikan kesultanan Melaka sebagai fokus utama. Untuk rangka awal perbincangan, rajah 1 menunjukkan tempoh pemerintahan Sultan Melaka yang dilihat berdasarkan tahap-tahap dalam teori kitaran pemerintahan menurut Ibn Khaldun. Bertitik tolak dari itu, perbincangan akan dimulakan dengan tempoh generasi awal yang telah membangunkan kesultanan Melaka sehingga mendapat tempat dalam peta laluan dan emporium antarabangsa.

---

[15] Rujukan pada sumber Cina (*Ming Shi Lu*) menunjukkan bahawa kunjungan pertama Laksamana Cheng Ho ke Melaka berlaku pada tahun 1408 sewaktu pemerintahan Megat Iskandar Shah (Parameswara). Pada tahun 1410, kunjungan ketiga Laksamana Cheng Ho turut terkandung dalam catatan Ma Huan yang merupakan jurubahasanya yang beragama Islam. Ahmat Adam (2016), *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu Hang Tuah dalam Historiografi* Malaysia, Petaling Jaya: SIRD, h. 82.

[16] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 99; W. G. Shellabear (ed.) (1975), *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti. Lihat juga, Muhammad Yusoff Hashim (2015), *Kesultanan Melayu Melaka Edisi Kedua*, h. 326.

[17] Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2011), *Historical Fact and Fiction*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press, h. 4.

[18] Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2015), *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu: Juma'at, 4 haribulan Rajab, 702 Hijrah bersamaan 22 haribulan Februari, 1303 Masihi*, Muhammad Zainiy Uthman (terj.), Kuala Lumpur: CASIS.

[19] M. Ismail Marcinkowski (2010), "Thai-Iranian Relations in History: A Glance at the Persian Community in the Ayutthaya Kingdom," dalam Wan Mohd Nor Wan Daud dan Muhammad Zainiy Uthman (ed.), *Knowledge, Language, Thought and The Civilization of Islam: Essays in Honor of Syed Muhammad Naquib Al-Attas*, h. 353.

Rajah 1. Tempoh Pemerintahan Sultan-sultan dalam Kesultanan Melaka dalam kerangka Generasi berdasarkan Teori kitaran Ibn Khaldun



Gagasan Idea Ibn Khaldun dan Awal Pembinaan Kesultanan Melaka

Bagi menjelaskan permulaan sebuah pemerintahan, Ibn Khaldun telah menggariskan komponen sebuah masyarakat yang hidup dalam satu-satu wilayah. Bagi beliau, kumpulan manusia itu hidup secara berpindah-randah (badwiah) di kawasan padang pasir sebelum tinggal menetap (hadhariah) di dalam sebuah kota.[20] Kehidupan masyarakat badwi tertumpu dengan kegiatan berburu, menternak haiwan seperti unta dan kambing manakala masyarakat hadhariah lebih kepada menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan kemahiran seperti pertukangan, perniagaan dan perdagangan. Konteks perbincangan beliau pada dasarnya tertumpu kepada masyarakat di padang pasir sama ada di dunia Arab mahupun Afrika yang berbeza sama sekali dengan konteks pemerintahan kesultanan Melaka. Namun begitu, hal ini tidak membataskan pengaplikasian idea Ibn Khaldun untuk digunakan sebagai kerangka idea pembinaan kesultanan Melaka.

Bagi kesultanan Melaka itu sendiri, pembinaannya turut bermula daripada konteks masyarakat yang tidak tinggal secara menetap seperti yang ditunjukkan oleh Orang Laut. Mereka hidup dipersisiran pantai secara berpindah-randah mengikut kesesuaian dan keperluan hidup termasuklah pilihan ke atas kawasan pinggir sungai sebagai lokasi penempatan. Hal ini boleh dikaitkan dengan cara hidup masyarakat badwiah menurut pandangan Ibn Khaldun meskipun dalam banyak perkara seperti kegiatan ekonomi orang laut amat berbeza sama sekali dengan masyarakat badwiah di padang pasir. Walau bagaimanapun, ketibaan Parameswara di Melaka selepas melarikan diri daripada Palembang, Temasik (setelah tinggal selama enam tahun) dan Muar telah mengubah lanskap penempatan masyarakat di kawasan tersebut.[21]

Dalam jangka masa yang tidak lama, kawasan-kawasan desa telah berubah menjadi sebuah kota lalu mentransformasikan Melaka menjadi sebuah kerajaan maritim yang unggul di Alam Melayu. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesultanan Melaka telah memasuki generasi pertama dalam kerangka teori kitaran Ibn Khaldun yang mencakupi tempoh pemerintahan Parameswara (r. 1403-1413.14), Megat Iskandar Syah (r. 1414-1423/24) dan Seri Maharaja (r. 1424-1444/45). Pada peringkat awal ini juga, masyarakat di Melaka telah mula mengukuhkan kedudukan mereka dengan semangat *asabiyyah* yang menjadikan mereka bertanggungjawab, saling membantu antara satu sama lain di samping memberi taat setia kepada sultan sebagai pemerintah. Melaka kemudiannya telah memasuki tahap '*umran* apabila aspek-aspek peradaban seperti sistem politik yang teratur, kemajuan ekonomi, penempatan tetap dan kemakmuran sosial telah dapat dicapai.

[20] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 110.
[21] O. W. Wolters (1970), *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Ithaca: Cornell University Press, h. 147.

Teras kepada pembinaan ini pada asasnya telah digambarkan melalui semangat untuk bersatu-padu yang telah wujud pada masa itu apabila manuskrip *Sulalat us-Salatin* mengaitkan isu ini dengan *wa'ad* antara Demang Lebar Daun dengan Sang Supraba.[22] Meskipun *wa'ad* tersebut bukanlah dalam kerangka pemerintahan kesultanan Melaka tetapi hal berkenaan boleh dijadikan sebagai asas perbincangan sebelum perihal pembinaan kesultanan Melaka dilanjutkan. Manuskrip *Sulalat us-Salatin* menggambarkan perkara ini dengan kenyataan:

> Adapun tuanku, segala anak cucu patik sedia jadi hamba kebawah duli yang dipertuan; hendaklah ia perbaiki oleh anak cucu tuanku. Syahdan jika ia berdosa sebesar-besar dosanya pun jangan ia difadhihatkan (dihinakan), dinista dengan kata-kata yang jahat-jahat; jikalau besar dosanya dibunuh; itu pun jikalau patut pada hukum syarak.[23]

Berdasarkan petikan tersebut, Demang Lebar Daun (Raja Palembang) telah menghadap Sang Supraba yang dikatakan permulaan kepada waris raja-raja dari Bukit Siguntang. Pertemuan itu berlaku kerana Sang Supraba ingin mengahwini anak perempuan Demang Lebar Daun, Wan Sundari.[24] Perkara ini kemudiannya mewujudkan satu salasilah keturunan yang diikat pada perjanjian taat setia jauh sebelum tempoh masa pembinaan kesultanan Melaka. Walau bagaimanapun, peristiwa ini perlu dinyatakan di sini kerana perjanjian ini menjadi asas kepada sebuah pemerintah yang kemudiannya diwarisi oleh kesultanan Melaka menurut *Sulalat us-Salatin* khususnya dalam generasi pertama dan kedua empayar Melayu tersebut. Lanjutan daripada pertemuan terbabit, Sang Supraba pula meminta:

> Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan derhaka dan ruap pada anak cucu hamba jikalau ia zalim dan jahat pekertinya". Maka sembah Demang Lebar Daun "Baiklah tuanku. Tetapi jikalau anak buah tuanku dahulu mengubahkan dia, anak cucu patik pun mengubahkan dia." Titah Sang Supraba, "Baiklah. Kabullah hamba akan wa'ad itu."[25]

Melalui petikan tersebut, ada beberapa perkara penting yang selaras dengan idea Ibn Khaldun mengenai *bai'at* dalam satu-satu pemerintahan. Dialog antara Demang Lebar Daun dengan Sang Supraba telah memperlihatkan wujudnya perjanjian yang menggambarkan taat setia. Meskipun istilah yang digunakan adalah '*wa'ad*' bukannya *bai'at*, seperti yang ditegaskan oleh Ibn Khaldun dalam karya *Muqaddimah*nya, tetapi falsafah politik yang terkandung dalam kedua-dua perkataan tersebut mempunyai banyak persamaan. Bagi Ibn Khaldun:

> البيعة هي العهد على الطاعة٠ كأن المبايع يعاهد أميره على أنه يسلم له النظر فى أمر نفسه وأمور المسلمين)
> (لاينازعه فى شئ من ذلكُ ويطيعه فيما يكلفه به من الأمر على المنشطء والمكره٠

> ... Bay'ah (sumpah setia) adalah kontrak untuk memberikan ketaatan. Seolah-olah orang yang mengucapkan sumpah setia telah membuat kontrak dengan amirnya, sehingga dia menyerahkan pengawasan atas urusannya sendiri dan urusan orang-orang muslim kepadanya dan dia tidak akan mempertikaikan kewibawaannya di mana-mana (yang urusan) dan bahawa dia akan mematuhinya dengan (melaksanakan) semua tugas yang dengannya dia sama ada mungkin dia sukai mahupun ia tidak sukai.[26]

Bertitik tolak dari pandangan Ibn Khaldun di atas, jelas bahawa ikatan *bai'at* itu sememangnya memerlukan persetujuan daripada kedua-dua belah pihak iaitu pemerintah dengan yang diperintah. Keteguhan ikatan *bai'at* ini, kemudiannya menjadi pemangkin penting dalam memperteguh semangat *asabiyyah* yang positif dalam jiwa bangsa terlibat bagi memelihara hak dan kedaulatan mereka daripada ancaman musuh. Melalui *bai'at* atau *wa'ad*, pemerintah dan yang diperintah terikat dalam satu ketetapan hubungan timbal balik yang akan memberi kesan penting kepada kekuhuhan sesebuah kerajaan. Hubungan timbal balik tadi dibuktikan melalui pelaksanaan pemerintahan yang adil, beradab dan berdaulat oleh pemerintah manakala di pihak rakyat, ketaatan diberikan tanpa berbelah bagi.

---

[22] Dalam kajian ini, nama Sang Supraba telah digunakan untuk menerangkan watak yang telah berwa'ad dengan Demang Lebar Daun berdasarkan *Sulalat u's-Salatin* versi Krusenstern. Namun begitu, bagi teks versi Raffles MS No. 18, nama Sang Supraba telah disebut sebagai Sang Sapurba. Sila rujuk bahagian pengenalan versi Krusenstern oleh Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. lxvi.
[23] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 36.
[24] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 35.
[25] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 36
[26] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 186.

Apabila keadaan tersebut terjadi, satu pemerintahan yang teratur dengan berlandaskan ketertiban hukum dapat diwujudkan dalam sebuah kerajaan. Perkataan syarak seperti yang terkandung dalam petikan di atas menjadi bukti bahawa elemen hukum dapat menjamin soal kemakmuran dan kedaulatan bagi kesultanan Melayu Melaka.[27] Hal ini penting dalam memastikan tidak berlakunya penderhakaan oleh rakyat kepada rajanya dan kezaliman oleh pemerintah kepada rakyatnya. Justeru, konsep *wa'ad* yang wujud ini dapat membentuk satu sistem pemerintahan bagi kerajaan Melayu khususnya Melaka dengan identiti tersendiri. Hal ini secara tidak langsung boleh menjadikan sistem *wa'ad* sebagai sistem pemerintahan yang wujud dalam kesultanan Melaka dan bukannya bentuk feudal seperti yang dicanang oleh orientalis terutamanya pihak penjajah.

Bagi sistem *wa'ad* ini, sekurang-kurangnya ada empat komponen yang boleh menerangkan kerasionalan *wa'ad* itu sebagai satu sistem. Pertamanya, sistem *wa'ad* itu mampu mewujudkan satu pandangan alam (*world view*) yang menunjukkan adanya sistem pemerintahan dalam ruang pemikiran masyarakat ketika itu. Selain itu, sistem *wa'ad* ini juga turut berupaya menerangkan secara hierarki bahawa wujudnya dua kelompok manusia iaitu golongan pemerintah dan yang diperintah. Hal ini kemudiannya dilanjutkan dengan wujudnya sistem peraturan dalam bentuk undang-undang yang mengadili pihak yang bersalah atau berdosa seperti yang dinyatakan oleh Demang Lebar Daun dan dipersetujui oleh Sang Supraba sebelum ini. Selaras dengan konsep *'umran* oleh Ibn Khaldun, intipati keempat daripada sistem *wa'ad* itu diperlihatkan dari segi kemakmuran yang diterjemahkan dalam setiap aspek kehidupan sebuah kerajaan dari keteguhan politik sehinggalah kemajuan ekonomi dan pengukuhan ikatan sosial.

Bagi memperkukuhkan lagi kenyataan ini, tempoh pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Syah (r. 1477-1481) boleh dijadikan sebagai contoh terbaik. Hal ini selari dengan idea "*cyclical theory*" oleh Ibn Khaldun yang menerangkan bahawa dua generasi awal sesebuah kerajaan dapat memperlihatkan tahap kegemilangan.[28] Untuk kesultanan Melayu Melaka itu sendiri, kepimpinan yang adil terlihat pada diri Sultan Alauddin yang telah membawa Melaka sebagai kerajaan yang kukuh hasil daripada warisan Sultan sebelumnya terutama Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah (r. 1458/59-1477) yang akan diterangkan dalam sub pembahagian selepas ini. Namun begitu, perihal berkenaan Sultan Alauddin akan diterangkan terlebih dahulu untuk menghubungkan kesinambungan daripada sistem wa'ad dengan kandungan wasiat baginda. Menerusi wasiat baginda kepada anakandanya, Sultan Alauddin telah bertitah bahawa:

> Adapun engkau hai anakku, hendaklah banyak-banyak ampun mu akan segala hamba sahaya, dan baik pelihara mu akan dia kerana firman Allah Ta'ala… bahawa Allah Ta'ala beserta pada sekalian yang sabar'. Jikalau datang pada mu dua pekerjaan, suatu pekerjaan Allah, suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia. Syahdan hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu ke hadrat Allah Ta'ala kerana firman tawakal 'aly u'Llah dan segala anak Melayu, bagaimanapun besar dosanya jangan kamu bunuh melainkan dosa derhaka kerana segala Melayu itu ketahananmu.[29]

Melalui wasiat terbabit, Sultan Alauddin jelas mengkehendaki supaya pewarisnya benar-benar memerintah menurut acuan norma keadilan. Keperibadian yang baik telah ditegaskan oleh baginda supaya diperlakukan kepada hamba dan rakyat selaras dengan tuntutan Islam. Hal berkenaan terbukti apabila baginda bertitah agar urusan yang berkaitan dengan Allah di dahulukan berbanding urusan-urusan lain yang bersifat keduniaan. Kepimpinan yang ditunjukkan oleh baginda ini selari dengan kenyataan Ibn Khaldun yang menerangkan bahawa:

> هذا لأن سلطة الحكومة تنبع من الميزة. التميز ينبع من المشاعر الجماعية. فقط بعون الله في إعلاء دينه يمكن)
> (.أن تتحد رغبات الأفراد لتلبية مطالبهم ، وتتحد القلوب

[27] Bagi pengkaji seperti Ali Ahmad, wa'ad yang dikaitkan dengan syarak ini telah menjadi satu perkara yang suci seolah-olah tidak boleh dipertikaikan oleh pembesar dan rakyat. Sila rujuk, Ali Ahmad (2008), Halangan dalam Pengislahan Pemimpin Melaka Berdasarkan *Sulalat-us-Salatin*, dalam Abdul Rahman Haji Ismail dan Haron Daud (ed.), *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 45.

[28] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 155.

[29] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 248.

> Hal ini kerana kekuasaan kerajaan berpunca daripada kelebihan. Keunggulan berpunca dari perasaan berkumpulan. Hanya dengan pertolongan Tuhan dalam menegakkan agamanya, hasrat individu dapat bersatu untuk memenuhi tuntutan mereka, dan hati menjadi bersatu.[30]

Kesan daripada kebersatuan yang wujud di antara pemerintah dengan yang diperintah, pertumbuhan sesebuah masyarakat akan lebih terjamin dalam satu kemakmuran bersama. Bagi Ibn Khaldun, hal ini turut mewujudkan rangkaian kesatuan sama ada penduduk di desa dan penduduk di bandar dalam sebuah kerajaan. Penduduk-penduduk dalam wilayah terbabit akan berusaha untuk memajukan diri mereka secara individu di samping masyarakat secara kolektif bagi kehidupan dalam lingkungan '*umran*. Hal ini akan menjadikan mereka terpisah daripada nilai primitif (badwiah) lalu membentuk masyarakat hadhariah yang akan mencapai kemewahan dalam segenap aspek kehidupan ke arah kepuasan diri masing-masing.[31] Keadaan ini terlihat dengan jelas apabila pemerintah dan masyarakat kesultanan Melaka bergerak ke arah kemajuan selaras dengan tuntutan zamannya. Dengan kemahiran dan keupayaan yang ada, penduduk Melaka telah berjaya membina sebuah kerajaan maritim yang terkenal dari segi ekonomi perdagangan. Lebih signifikan apabila kebersatuan dalam pemerintahan Melaka ini turut diperkukuhkan dengan elemen bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang menjadi alat komunikasi dalam kegiatan muamalat.

Bagi kesultanan Melaka, permulaan kemasyhurannya tidak dapat lari daripada soal kemajuan ekonomi. Kemajuan ini terlihat apabila Melaka menjadi pelabuhan yang menerima barang perdagangan tidak kira sama ada dari Arab, China mahupun India seperti yang terlihat pada zaman Sultan Muzaffar Syah (r. 1444/45-1458/59). Penduduk Melaka telah menjalankan perdagangan tukar barang di antara barang-barang Cina dan Asia Tenggara dengan barang-barang dari barat dan India. Dari Kembayat (Cambay) dan Aden dibawa bijirin, kacang dan kemenyan. Terdapat lebih empat puluh barang dagangan telah dibawa dari barat ke Melaka manakala dari Melaka pedagang-pedagang barat tadi membawa pulang cengkih, pala, bunga pala, kayu cendana, mutiara, tembikar dan kasturi. Mereka juga membeli emas, sutera putih, timah, sutera berbunga, sutera berwarna dan burung yang berasal dari Pulau Banda (dalam wilayah Indonesia pada hari ini).[32] Bagi tanggungjawab pemerintah, Ma Huan telah mengatakan bahawa Parameswara telah membina lebih daripada 20 buah gerai dagangan di atas jambatan yang dibinanya merentasi Sungai Melaka.[33] Keadaan yang sungguh kondusif dari segi fasiliti dalaman dan keadaan geografi yang strategik ini kemudiannya berjaya mengangkat kesultanan Melaka ke satu tingkat peradaban tinggi dan hal ini diperakui oleh seorang sarjana Portugis, P. J. De Sousa Pinto dengan kenyataan:

> *... the city played a pivotal role in the great phenomena that took place in the history of Southeast Asia during the Modern Age. Melaka was an important axis that linked the different maritime routes of the Indian Ocean, and it was above that the prized arises of the Eastern Archipelago would mingle together and be redistributed in the light of an ever increasing demand. Melaka also played a vital role in the diffusion of Islam throughout Southeast Asia, simultaneously acting as a catalyst for the initial process*.[34]

Pencapaian kemajuan di peringkat generasi pertama dan kedua pemerintahan kesultanan Melaka ini adalah bersesuaian dengan pandangan Ibn Khaldun yang mengatakan bahawa ketinggian suatu kebudayaan masyarakat itu terhasil daripada satu bentuk kerjasama di samping pemikiran rasional. Dua perkara tersebut menjadi pemangkin kepada kesempurnaan sesebuah masyarakat yang kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk kemajuan ekonomi dan pembangunan masyarakat hasil gagasan kemakmuran yang terbina dalam konteks hubungan pemerintah dan rakyat dalam satu ruang masyarakat yang tinggal menetap.[35] Hal ini dapat diterima kerana tanpa pencapaian dari segi akar rasional, kemahiran praktikal, kebijaksanaan pemerintah dan kerjasama daripada rakyat, mustahil kesultanan

---

[30] Ibn Khaldun (732-808 H), *Muqaddimah Ibn Khaldun,* Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), 236.
[31] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 128.
[32] Ahmad Jelani Halimi (1999), *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka dari Abad ke-15 hingga Abad ke-18*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, h. 50.
[33] Ma Huan (1970), *Ying Yai Shen Lan*, h. 109.
[34] P. J. de Sousa Pinto (2012), *The Portuguese and the Straits of Melaka 1575-1619: Power, Trade and Diplomacy*, Roopanjali Roy (terj.), Singapore: NUS Press, h. xxvii.
[35] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 231.

Melaka dapat mencapai ketinggian peradaban seperti yang dijelaskan tadi. Apabila keempat-empat komponen itu diadunkan dalam sebuah *malakah*,[36] pada akhirnya ia akan membentuk satu ketertiban masyarakat serta elemen-elemen tersebut telah menghidupkan faktor geografi dan infrastruktur yang pada asalnya kaku tanpa faktor manusia yang membangunkannya.

Hubungkait Gagasan Idea Ibn Khaldun dengan Kegemilangan Kesultanan Melaka

Dari segi hubungan luar kesultanan Melaka, sememangnya telah mahsyur bahawa empayar Melayu ini bukanlah bersifat isolasi sebaliknya turut mempunyai jaringan hubungan dengan kerajaan lain. Hubungan ini bukan sahaja terhad kepada wilayah serantau seperti kerajaan Pasai, Champa atau Jawa, tetapi turut merangkumi hubungan dengan kerajaan China khususnya di bawah Dinasti Ming. Hal ini membuktikan bahawa kesultanan Melaka telah diiktiraf sebagai satu pemerintahan berdaulat di Alam Melayu sebaris dengan empayar besar dalam generasi pertama hingga generasi kedua sultan-sultan yang memerintah. Hubungan pasang surut dengan kerajaan Siam sama ada dalam bentuk damai mahupun perang turut menunjukkan bahawa pemerintah Melaka pada generasi awal bijak dalam merencana percaturan politik.[37] Hubungan luar kerajaan ini hasil kebijaksanaan diplomatik perkahwinan dan faktor suprimasi kesultanan Melaka seperti yang ditunjukkan dalam pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Mansur Syah.

Bagi menjelaskan kegemilangan dalam kesultanan Melaka, hal ini sesuai untuk diletakkan dalam peringkat generasi kedua menurut teori kitaran oleh Ibn Khaldun. Dalam peringkat ini, tempoh Sultan Mansur Shah sesuai untuk dijadikan asas perbincangan menurut gagasan idea Ibn Khaldun. Contoh terbaik boleh dilihat melalui hubungan kesultanan Melaka dengan Dinasti Ming di China seperti yang digambarkan dalam perutusan rasmi Maharaja Ming:

> Bahawa kita dengar raja Melaka raja besar, sebab itulah maka kita hendak bersahabat dan berkasih-kasihan dengan raja Melaka kerana kita pun daripada anak cucu Raja Iskandar Dhulkarnain, sebangsa juga dengan raja Melaka. Kerana tiadalah ada dalam alam dunia ini raja-raja yang besar daripada kita.[38]

Selain itu, hubungan luar yang baik terjalin hasil daripada perkahwinan, hal demikian terlihat dari perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan kerabat dari Jawa, Champa termasuk China. Perkara ini menjadi instrumen pengikat yang ampuh dalam mewujudkan pemerintahan yang baik dengan kerajaan di rantau Alam Melayu. Keadaan ini akhirnya membawa pertumbuhan maju dari segi perdagangan apabila Melaka menjadi tumpuan kegiatan ekonomi import, eksport dan entreport.

Dari segi keunggulan kesultanan Melaka itu sendiri, keadaan ini terlihat apabila kesultanan Melaka menjadi tempat perlindungan politik kepada Sultan Zainal Abidin. Kemelut politik di Pasai telah menyebabkan Sultan Zainal Abidin melarikan diri ke Melaka untuk mendapatkan perlindungan.[39] Situasi ini menjadikan pemangkin kepada hubungan yang lebih baik antara Melaka dengan pasai sebaik sahaja Sultan Zainal Abidin diterima semula sebagai sultan di Pasai. Secara ekonomi, hubungan dengan Pasai ini telah mengembangkan jaringan perdagangan Melaka dengan Pasai terutama dari segi perdagangan rempah dan lada hitam. Dalam konteks ini, hubungan baik Melaka dengan semua kerajaan yang telah dinyatakan tadi menjadi sebahagian daripada komponen kegemilangan kesultanan Melaka. Hal ini selaras dengan pandangan Ibn Khaldun yang menyebutkan bahawa ciri sebuah pemerintahan yang baik terletak pada keunggulan pemerintahannya di samping hubungan-hubungan dengan kerajaan luar yang memberi manfaat sama ada dari segi ekonomi mahupun ikatan persahabatan.[40]

Selain itu, lambang kegemilangan Melaka turut terlihat melalui kegiatan intelektual yang muncul di dalam kerajaan itu. Peranan tersebut sekali lagi telah dimainkan oleh Sultan Mansur Shah apabila beliau

---

[36] Istilah *malakah* menurut Ibn Khaldun adalah bermaksud kebiasaan (*habits*) yang terjadi pada kelompok manusia apabila mereka seringkali melakukan sesuatu perkara. Sila rujuk, Muhammad 'Uthman El-Muhammady (2009), "The Significance of *Malakah* in Ibn Khaldun's Discourse," h. 125.
[37] Ahmat Adam (2016), *Antara Sejarah dan Mitos*, h. 86.
[38] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 171.
[39] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 218.
[40] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 112.

dikunjungi oleh ulama dari Jedah iaitu Maulana Abu Bakar yang datang membawa kitab Dar al-Mazlum (Mutiara Terkarang).[41] Perkara ini digambarkan dalam *Sulalat us-Salatin* dengan kenyataan:

> … maka Maulana Abu Ishak menyuruh memanggil seorang muridnya, Maulana Abu Bakar namanya. Maka diajarkannya kitab Dar al-Mazlum itu kepadanya. Maka kata Abu Ishak pada Maulana Abu Bakar, "Pergilah engkau turun ke negeri Melaka. Beri tentu petua olehmu segala orang bawah angin… Setelah sudah maka Maulana Abu Bakar pun turunlah ke bawah angin membawa kitab Dar al-Mazlum itu, menumpang kapal dari Judah [sic, Jedah] ke Melaka… Maka sangatlah dipermulia oleh Sultan Mansur Shah. Baginda pun bergurulah.[42]

Sementara dalam soal penerimaan nilai intelektual ini, sikap Sultan Mansur Shah seperti yang dinyatakan dalam petikan itu jelas menunjukan peribadi pemerintah cintakan ilmu. Ciri-ciri ini diperkuatkan lagi dengan keterangan oleh Maulana Abu Bakar bahawa baginda seorang yang terang hati dalam erti kata lain mudah menerima ilmu dipelajari. Keadaan ini menjadikan kedudukan baginda lebih unggul dalam pandangan rakyat dan sejarah yang kemudiannya menjadi bukti kemajuan kesultanan Melayu Melaka. Penghormatan yang diberikan kepada Maulana Abu Bakar dan kitab *Dar al-Mazlum* itu turut menggambarkan bahawa Sultan Mansur Shah bukanlah seorang yang tertutup dari segi penerimaan satu-satu nilai intelektual, bahkan baginda juga sanggup menawarkan sejumlah upah bagi penterjemahan kitab berkenaan oleh kerajaan Pasai.

Kitab *Dar al-Mazlum* yang ditulis oleh Maulana Abu Ishak al-Syirazi, antara lainnya membahas masalah tauhid, khususnya tentang persoalan zat, sifat dan perbuatan Allah.[43] Kitab ini kemudiannya telah dihantar ke Pasai untuk tujuan penterjemahan ke dalam bahasa Melayu kerana teks asalnya adalah di dalam bahasa Arab. Kemudian, apabila usaha ini telah selesai, ia dibawa semula ke Melaka untuk diajar oleh Maulana Abu Bakar yang bertanggungjawab membawa kitab itu ke Melaka.[44]

Jika diteliti, kesungguhan Sultan Mansur Shah untuk mendapatkan terjemahan kitab Dar al-Mazlum itu tadi, perkara ini sebenarnya selaras dengan praktik oleh pemerintah-pemerintah kerajaan Islam sebelum baginda. Pada zaman Khalifah Harun Ar-Rashid dan anakandanya, Khalifah al-Makmun misalnya jelas memperlihatkan usaha seumpama ini apabila karya-karya falsafah dari Greek, ilmu kiraan dari India, ilmu astronomi dari Parsi telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab di samping pengenalan teknologi kertas daripada empayar China.[45] Penterjemahan ke atas hasil karya intelektual itu turut menambahkan perbendaharaan keilmuan dalam sesebuah pemerintahan yang kemudiannya menjadi contoh kepada kerajaan Islam di wilayah lain seperti Mesir, Andalusia, Maghribi dan tidak ketinggalan ke Alam Melayu.

Sementara itu, Sultan Mansur Shah turut memperlihatkan sebagai seorang yang terbuka dengan ilmu bersifat falsafah sewaktu pemerintahan baginda. Persoalan terbabit adalah mengenai penghuni syurga dan neraka sama ada kekal atau tidak di dalamnya?[46] Titah daripada baginda mengenai tafsiran wahyu dan falsafah ini dapat diperhatikan daripada catatan *Sulalat us-Salatin* apabila baginda menyuruh Tun Bija Wangsa supaya mengemukakan persoalan ini ke Pasai. Seperkara lagi, keinginan oleh Sultan Mansur Shah mengetahui perihal penghuni syurga atau neraka turut menarik untuk diberi perhatian. Pada dasarnya, persoalan ini adalah persoalan yang berkait isu pemahaman tauhid mengenai pelaku dosa sama ada kekal atau tidak di dalam neraka. Hal ini pada awalnya terhasil dari perdebatan yang

---

[41] Kitab Dar al-Mazlum merupakan istilah yang termuat dalam *Sulalat us-Salatin* sebaliknya, dalam edisi Raffles MS. No 18 menyebutkan kitab itu sebagai Durr Manzum. Namun begitu, penceritaan mengenainya adalah sama. Sila rujuk, Muhammad Haji Salleh (ed.) (1997), *Sulalat Al-Salatin Ya'ni Pertuturan Segala Raja-Raja*, h. 120.

[42] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 205-206.

[43] Shafie Abu Bakar (1989), "Kitab Dar Al-Mazlum Dan Maklumat Sebagai Pancaran Budaya Ilmu Di Melaka: Permasalahan Dan Pengaruhnya", Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 21-23 Ogos 1989, h.7.

[44] Zarifah Arsani (2017), "Analisis Teks 'Rihlah Ibn Battutah' tentang Pengaruh Islam Terhadap Sejarah Politik dan Kebudayaan di Alam Melayu pada Kurun Ke-14: Tumpuan Kepada Kerajaan Samudera Pasai," Tesis Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, h. 82.

[45] Amira K. Bennison (2009), *The Great Caliphs: The Golden Age of the 'Abbasid Empire*, United States: Yale University Press, h. 175; Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, h. 116.

[46] Muhammad Haji Salleh (1997), *Sulalat Al-Salatin Ya'ni Pertuturan Segala Raja-Raja*, h. 120. Lihat juga, Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 208.

ditimbulkan oleh golongan muktazilah berlandaskan prinsip *al-Manzilah Bayna al-Manzilatayn* (duduknya di antara dua tempat).[47]

Melalui prinsip itu, golongan muktazilah berpendirian bahawa penghuni dosa kekal dalam neraka manakala dengan kebaikan penghuni syurga kekal dalam syurga. Persoalan yang ditimbulkan oleh Sultan Mansur Shah ini sedikit sebanyak telah menunjukkan bahawa wujudnya perdebatan soal kefahaman tauhid dalam kerajaan ketika itu. Secara tersirat, kesimpulan boleh dibuat dengan kenyataan telah adanya perkembangan dan perbincangan laras tinggi dalam kesultanan Melayu Melaka seiring dengan tumbuhnya ruang keintelektualan. Dalam hal ini, pandangan Ibn Khaldun mengenai kegemilangan sesebuah kerajaan yang turut berdasarkan perkembangan ilmu adalah boleh diterima sama sekali. Menurut beliau, apabila sesebuah kerajaan itu mencapai kegemilangan, maka kegiatan, aktiviti berorientasikan 'pena' iaitu kerja-kerja intelektual akan lebih mendominasi berbanding kegiatan berasaskan 'pedang' iaitu operasi ketenteraan.[48] Justeru, kegemilangan sebuah pemerintahan menurut pandangan Ibn Khaldun bukan sahaja terletak pada kewujudan sebuah kerajaan yang kukuh dan mempunyai hubungan luar dengan kerajaan lain semata-mata, bahkan kegemilangan itu turut dicirikan dengan keberlangsungan kegiatan keilmuan di dalamnya.

Idea Ibn Khaldun dan Zaman Kejatuhan Kesultanan Melaka pada Kurun ke-16.

Setelah melalui generasi yang penuh kegemilangan, kesultanan Melaka seperti mana-mana kerajaan lain sebelumnya akhirnya tiba ke fasa kejatuhan. Keadaan ini terjadi sewaktu pentadbiran zaman Sultan Mahmud Shah (r. 1481-1511) apabila wujudnya krisis dalaman pada pentadbiran baginda. Tempoh pemerintahan baginda mencakupi dua generasi iaitu generasi ketiga (tempoh kemerosotan) dan generasi keempat (tempoh kejatuhan). Hal ini bukan sahaja terletak pada kelemahan diri baginda yang gagal berlaku adil tetapi turut melibatkan barisan pembesar yang ada pada masa tersebut dalam tempoh 30 tahun pemerintahan baginda.[49] Selari dengan pandangan Ibn Khaldun yang telah dinyatakan pada bahagian-bahagian sebelum ini, perpecahan dalaman dalam sesebuah kerajaan pasti membawa pada keruntuhan kesan daripada pudarnya semangat *asabiyyah*. Keadaan lebih rumit lagi buat kerajaan Melaka apabila sultan, bendahara dan para pembesar seolah-olah hilang kepercayaan antara satu sama lain sebaik sahaja meletusnya fitnah khususnya yang dibawa oleh kelompok India Muslim.

Tempoh kemerosotan itu bermula apabila berlakunya perbuatan rasuah khususnya daripada para saudagar ke atas pembesar Melaka seperti yang diperlihatkan oleh saudagar Nayana Sura Dewana kepada bendahara Tun Mutahir. Beliau telah memberi sogokan emas kepada bendahara bagi memastikan kepentingan serta kedudukannya terjamin dalam kesultanan Melaka. Lebih kritikal lagi apabila berlakunya fitnah kononnya Tun Mutahir ingin mengkhianati Sultan Mahmud Shah. Peristiwa ini telah disebarkan oleh Raja Mendeliar atas rasa dendamnya ke atas bendahara sebaik sahaja menerima khabar rekaan daripada Kitul.[50] Pada dasarnya, Kitul yang mencetuskan fitnah itu adalah seorang India Muslim yang ingin melupuskan hutangnya dengan Raja Mendeliar telah sanggup menganiayai keluarganya sendiri iaitu Nayana. Justeru, pergolakan dalaman ini diburukkan lagi apabila Sultan Mahmud Shah turut menaruh dendam terhadap bendahara kerana baginda tidak diberitahu bahawa bendahara mempunyai seorang anak gadis yang baik paras rupanya iaitu Tun Fatimah. Lalu, perkara ini menjadi latar kepada tempoh kemerosotan empayar Melaka di bawah pentadbiran Sultan Mahmud Syah. Baginda kemudiannya telah mengeluarkan titah supaya bendahara dan ahli keluarganya dibunuh kecuali Tun Fatimah. Tanpa usul periksa dan pertimbangan sewajarnya, baginda telah memerintahkan Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara untuk melaksanakan perintah baginda seperti yang tertulis dalam teks *Sulalat us-Salatin*:

> Maka titah baginda, "Bunuh Bendahara Seri Maharaja!" Maka kedua orang itupun pergilah dengan segala hamba raja… maka Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Diraja dan Tun Hasan Temenggung dan Tun Ali, laki Tun Fatimah, pun dibunuhlah oleh Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara. Maka keempatnya matilah.[51]

[47] Muhammad Imarah (2020), *Muktazilah dan Persoalan Kebebasan Insan*, Ahmad Nabil Amir (terj.), Mohd Syazreen Abdullah (ed.), Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front, h. 45.
[48] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 23.
[49] Aiza Maslan @ Baharudin (2000), *Teori 'Umran Ibn Khaldun*, h. 198.
[50] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 336.
[51] Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's-Salatin*, h. 337-338.

Tindakan Sultan Mahmud Syah itu jelas menunjukkan bahawa perkara tersebut dilakukan luar daripada pertimbangan seorang pemimpin yang adil. Baginda tanpa usul periksa dan secara terburu-buru telah menjatuhkan hukuman mati terhadap keluarga Tun Fatimah. Namun begitu, kelemahan yang ada pada diri baginda bukanlah faktor mutlak yang membawa kepada kejatuhan Melaka sebaliknya hal tersebut adalah sebahagian daripada faktor yang membawa kepada perpecahan dalaman.[52] Lebih mengeruhkan keadaan apabila pengganti Bendahara Tun Mutahir iaitu Bendahara Tepok (Paduka Tuan), yang sudah tua dan berpelakuan buruk telah gagal menjalankan tanggungjawab sebagai bendahara.[53]

Perpecahan dari dalam kesultanan Melaka ini jelas menunjukkan bahawa ikatan semangat *asabiyyah* dalam kalangan pemerintah Melaka semakin luntur. Kenyataan ini selari dengan pandangan Ibn Khaldun yang mendakwa sekiranya semangat *asabiyyah* itu semakin berkurangan maka sebuah kerajaan itu akan berada di ambang kehancuran seperti yang terjadi pada kerajaan Bani Umaiyah sebelum digantikan oleh kerajaan Abbasiyah.[54] Melalui contoh yang diberikan oleh Ibn Khaldun, hal tersebut mempunyai persamaan dengan kerajaan Melaka yang sedang berada pada tempoh generasi ketiga kerana pemerintah dan para pembesar pada masa itu semakin melupakan apa-apa usaha serta pencapaian oleh generasi sebelumnya. Keadaan ini selari dengan pandangan Ibn Khaldun yang menyifatkan generasi ketiga ini sebagai zaman yang penuh dengan kemewahan dalam kalangan pemimpin hingga mengabaikan peninggalan dan amanat generasi yang mendahuluinya.[55] Persamaan ini dapat dilihat pada kesultanan Melaka selepas berlakunya pembunuhan ke atas keluarga bendahara atas titah Sultan Mahmud Syah. Pada masa itu, kerajaan menjadi kritikal apabila Portugis telah melakukan serangan ke atas Melaka pada 6 Ogos 1511 dan tragedi ini ibarat pukulan terakhir yang meruntuhkan kerajaan Melaka sama sekali.

Perpecahan yang berlaku di peringkat dalaman kesultanan Melaka mengakibatkan empayar Melayu itu tidak berupaya menghadapi tentera Portugis di bawah pimpinan Alfonso d'Albuquerque yang telah datang bersama armada angkatan laut di samping kelengkapan persenjataan. Pada dasarnya, kesepaduan dalam barisan tentera pimpinan Alfonso itu telah menjadi faktor semerta kepada runtuhnya empayar Melaka. Pihak Portugis dalam tempoh tersebut sememangnya sedang berusaha meluaskan kawasan jajahannya selepas mereka berjaya membentuk Estado da India (bahagian Goa dan Gujerat) di Asia Selatan yang menganjur ke Melaka.[56] Penguasaan ke atas Melaka merupakan kemuncak kepada ekspedisi penerokaan dan penjelajahan bagi pihak Portugis dalam misi mencari tanah jajahan, penguasaan ekonomi dan penyebaran agama Kristian.

Lebih memburukkan lagi keadaan, kedatangan pihak Portugis ke Melaka telah disambut baik oleh para pedagang Cina yang ingin berpaling tadah demi keselamatan barang dagangan mereka. Mereka sanggup membocorkan maklumat mengenai kesultanan Melaka di samping menawarkan beberapa buah kapal untuk memudahkan kemaraan pihak tentera Portugis.[57] Kebocoran maklumat juga berlaku akibat pengkhianatan salah seorang pedagang India yang bernama Naina Chattu apabila beliau cuba memainkan peranan sebagai orang tengah dalam penyaluran maklumat antara Portugis dengan bendahara Melaka.[58] Pada tahun 1511 ketika kedatangan kedua Portugis, Naina Chattu masih lagi cuba berperanan yang sama tetapi kali ini antara pihak Portugis dengan sultan. Utimutiraja yang merupakan salah seorang pedagang dari Jawa antara individu yang turut khianat kepada kesultanan Melaka dan tidak hairanlah apabila pedagang dari Jawa kemudiannya mendapat tempat istimewa di Melaka sebaik

---

[52] Azmi Arifin (2020), "Konflik Antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir dan Kejatuhan Kota Melaka 1511," *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 13, Bil.1, h. 25-62.

[53] Tome Pires (1944), *The Suma Oriental of Tome Pires: An Account of the East, From the Red Sea to Japan, written in Malacca and India in 1512-1515*, A. Cortesao (ed.), 2 Vols., London: The Hakluyt Society, h. 254.

[54] Contoh yang diberikan oleh Ibn Khaldun terhadap babak-babak kejatuhan kerajaan Bani Umaiyah antaranya ialah perintah pembunuhan oleh Sultan Sulaiman ke atas Abdul Aziz bin Musa bin Nushair (Gabenor di Qordoba) sebelum diikuti oleh beberapa siri perpecahan dalam puak bangsa Arab. Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibn Khaldun*, h. 363. Bagi peristiwa perpecahan dalam kerajaan Bani Umaiyah sehingga membawa kep revolusi Abbasiyah, sila rujuk John Alden Williams (terj.), *The History of al-Tabari, Vol. XXVII: The 'Abbasid Revolution*, A. D. 743-750 /A. H. 126-132, New York: State University of New York Press.

[55] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 135.

[56] Di bahagian timur, pihak Portugis telah membina pertapakan di Macou dan pada masa yang sama, angkatan Portugis turut menguasai Teluk Aden di kawasan perairan Semenanjung Tanah Arab. Sila rujuk, P. J. de Sousa Pinto (2012), *The Portuguese and the Straits of Melaka 1575-1619*, h. xxiii.

[57] R. W. McRoberts (1984), "An Examination of the Fall of Melaka in 1511," *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society*, Jil. 57, Bil.1, h. 193-195.

[58] Azmi Arifin, Azmi Arifin (2020), Konflik Antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir dan Kejatuhan Kota Melaka 1511, h. 56.

sahaja Portugis berkuasa.[59] Pada akhirnya, semua faktor pengkhianatan ini menjadikan usaha pihak Portugis lebih mudah dalam usaha untuk menguasai kesultanan Melaka lalu tibalah tempoh kejatuhan Melaka dan pertapakan pemerintahan Portugis sehingga 1641 sebelum berjaya ditewaskan pula oleh Belanda.

Dalam konteks ini, idea Ibn Khaldun mengenai jangka hayat suatu pemerintahan adalah hampir tepat untuk tempoh berdirinya kesultanan Melaka. Bagi Ibn Khaldun, jangka hayat sebuah kerajaan itu adalah 120 tahun kira-kira tiga generasi sebelum keruntuhannya berlaku. Kejatuhan Melaka pada 1511 adalah hampir pada angka 120 tahun selepas kerajaan berkenaan didirikan pada awal kurun ke-16.[60] Justeru, kejayaan Portugis menguasai Melaka merupakan titik penamat kepada empayar Melayu yang begitu penting di rantau Asia Tenggara kerana selepas tempoh tersebut pusat empayar Melayu telah berpindah ke Johor manakala Melaka tertakluk di bawah pemerintahan Gabenor Portugis.

Penutup

Kesimpulannya, gagasan idea Ibn Khaldun mengenai pembentukan pemerintahan sesebuah kerajaan adalah satu idea yang mempunyai kesesuaian dengan satu-satu pemerintahan meskipun sudah berlaku peredaran zaman. Kesesuaian tersebut terlihat apabila idea pembentukan pemerintahan oleh beliau yang terkandung dalam karya *al-Muqadimah* dapat disesuaikan dan diletakkan sebagai kerangka analisis bagi menerangkan pemerintahan kesultanan Melaka dari kurun ke-15 hingga kurun ke-16 Masihi. Sifat idea mengenai pemerintahan yang praktikal ini dapat menerangkan pembentukan kerajaan Melaka dari peringkat permulaan, perkembangan, kegemilangan dan kejatuhan. Perincian mengenai konsep '*umran*, semangat *assabiyyah* di samping bentuk masyarakat berpindah-randah (*badwiah*) dan masyarakat menetap (*hadhariah*) dapat dijadikan sebagai konsep untuk menganalisis pemerintahan kesultanan Melaka itu sendiri. Idea mengenai kitaran pemerintahan juga dapat mengemukakan perihal kesultanan Melaka yang sememangnya telah melalui tempoh kegemilangan dan keruntuhan seperti yang telah dibincangkan dalam subtopik sebelum ini. Hal ini secara tidak langsung telah memperkukuh hujahan bahawa idea Ibn Khaldun tentang hayat kerajaan bukanlah sesuatu yang idealistik.

Dalam hal ini, manuskrip *Sulalat-us-Salatin* telah menjadi dokumen utama untuk menjawab sebarang aspek yang terkandung dalam idea pemerintahan oleh Ibn Khaldun. Aspek-aspek seperti persoalan politik, ekonomi dan sosial misalnya telah dijadikan perkara yang dibincangkan untuk menghuraikan kesesuaian idea Ibn Khaldun dengan pemerintahan Kesultanan Melaka itu sendiri. Setiap zaman pemerintahan yang diwakili oleh sultan pertama hingga sultan terakhir dalam kerajaan Melaka telah dibincangkan selaras dengan kerangka idea oleh Ibn Khaldun. Kajian ini telah mendapati bahawa apa-apa yang disebutkan oleh Ibn Khaldun mengenai sesebuah pemerintahan dalam karya *Muqaddimah*nya mampu mengungkapkan perihal sejarah Kesultanan Melaka meskipun Kesultanan Melaka bukanlah sebuah kerajaan yang terletak di dunia Arab yang menjadi fokus perbincangan beliau. Justeru, kajian ini mendapati bahawa idea Ibn Khaldun mengenai pemerintahan sesebuah kerajaan bukanlah sesuatu yang pasif apabila idea berkenaan mampu disesuaikan dengan pensejarahan sesebuah kerajaan yang berada di geografi berbeza. Dengan itu, kajian ini sampai ke kesimpulan bahawa gagasan idea pemerintahan oleh Ibn Khaldun bukanlah semata-mata fakta kaku yang termuat dalam karya *Muqaddimah*nya bahkan gagasan idea tersebut dapat dijadikan sebagai kerangka konsep dalam menerangkan sesebuah pemerintahan seperti yang terdapat dalam pelbagai teori moden pada hari ini.

Rujukan

Abd Aziz A'zmi dan Farrah Wahida Mustafar (2020), "Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun," *Jurnal Tuah*, Jil. 1, Bil. 1, 1-23.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[59]Abdul Rahman Haji Ismail (2008), "Sulalat-us-Salatin dan Perjuangan Orang Melayu Melawan Portugis pada Awal Kurun ke-16," dalam Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud (ed.), *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 38

[60] Ibn Khaldun (732-808 H), Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), h. 142.

Abdul Rahman Haji Ismail (2008), "Sulalat-us-Salatin dan Perjuangan Orang Melayu Melawan Portugis pada Awal Kurun ke-16," dalam Abdul Rahman Haji Ismail dan Haron Daud (ed.), *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Abdul Rahman Haji Ismail (2012), *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka 1262*, Melaka: IKSEP.

Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud. (2008), *Sulalat-us- Salatin (Sejarah Melayu)*: *Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Ahmad Jelani Halimi (1999), *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka dari Abad ke-15 hingga Abad ke-18*, Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Ahmad Sunawari Long (ed.) (2017), *Falsafah Ibnu Khaldun*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Ahmat Adam (2016), *Antara Sejarah dan Mitos: Sejarah Melayu Hang Tuah dalam Historiografi Malaysia*, Petaling Jaya: SIRD.

Ahmat Adam (2016), *Sulalat u's- Salatin*: *Yakni Pertuturan Segala Raja-Raja Dialih Aksara dan Disunting dengan Kritis, serta Diberi Anotasi dan Pengenalan*, Zainal Abidin Borhan (ed.), Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Aiza Maslan @ Baharudin (2000), "Teori 'Umran Ibn Khaldun: Kajian Khusus Kejatuhan Peradaban Islam Melaka dan Kebangkitan Kuasa Portugis di Melaka," Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Aiza Maslan @ Baharudin dan Roshimah Shamsudin (2016), "Kejatuhan Pemerintahan Menurut Pemikiran Ibn Khaldun dalam Karyanya Al-Muqaddimah," *Afkar*, Jil. 18, Special Issue, 89-114.

Ali Ahmad (2008), Halangan dalam Pengislahan Pemimpin Melaka Berdasarkan Sulalat-us-Salatin, dalam Abdul Rahman Haji Ismail dan Haron Daud (ed.), *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Azmi Arifin (2020), "Konflik Antara Sultan Mahmud Syah dengan Bendahara Seri Maharaja Tun Muzahir dan Kejatuhan Kota Melaka 1511," *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 13, Bil.1, h. 25-62.

Bennison, Amira K. (2009), *The Great Caliphs: The Golden Age of the 'Abbasid Empire*, United States: Yale University Press.

Borschberg, Peter (2015), *The Singapore and Melaka Straits: Violence, Security and Diplomacy in the 17th Century*, Singapore: NUS Press.

Dale, Stephen F. (2015), *The Orange Trees of Marrakesh: Ibn Khaldun and the Science of Man*, Cambridge: Harvard University Press.

Ibn Khaldun (732-808 H), *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Abdullah Muhammad al-Darwisy (muhaqqiq.) (2004), Maktabah Hidayah: Damaskus.

Ibn Khaldun (1967), *The Muqaddimah: Abd Ar Rahman bin Muhammed Ibn Khaldun*, Franz Rosenthal (terj.), New York: Routledge.

Mahayudin Haji Yahaya. (2013), "*Umran* dan Aplikasinya Di Alam Melayu," *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jil. 6, Bil. 1, 1-33.

Ma Huan (1970), *Ying-Yai Sheng-Lan* (*The Overall Survey of the Ocean's Shores*) *[1433]*, Feng Ch'eng Chin (terj.), Cambridge: The University Press.

Marcinkowski, M. Ismail (2010), *Thai-Iranian Relations in History: A Glance at the Persian Community in the Ayutthaya Kingdom*, dalam Wan Mohd Nor Wan Daud & Muhammad Zainiy Uthaman (ed.), *Knowledge, Language, Thought and The Civilization of Islam: Essays in Honor of Syed Muhammad Naquib al-Attas*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Muhammad Haji Salleh (ed.) (1997), *Sulalat Al-Salatin Ya'ni Pertuturan Segala Raja-Raja* (Sejarah Melayu), Karangan Tun Seri Lanang, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Imarah (2020), *Muktazilah dan Persoalan Kebebasan Insan*, Ahmad Nabil Amir (terj.), Mohd Syazreen Abdullah (ed.), Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.

Muhammad R. Salama (2011), *Islam Orientalism and Intellectual History: Modernity and the Politics of Exclusion since Ibn Khaldun*, New York: I. B. Tauris.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady (2009), "The Significance of *Malakah* in Ibn Khaldun's Discourse," dalam Osman Bakar dan Baharudin Ahmad (ed.), *Proceeding International Conference: Ibn Khaldun's Legacy and Its Significance*, Kuala Lumpur: ISTAC, 125-158.

Muhammad Yusoff Hashim (2015), *Kesultanan Melayu Melaka Edisi Kedua*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhsin Mahdi (2014), *Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun: Kajian tentang Dasar Falsafah Ilmu Budaya*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.

Nor Mohammad Osmani & Abu Sadat Nurullah (2009), "Ibn Khaldun's Muqaddimah and 'Ilm Al-'Umran: An Analysis," dalam Osman Bakar dan Baharudin Ahmad (ed.), *Proceedings International Conference Ibn Khaldun's Legacy And Its Significance*, Kuala Lumpur: ISTAC, 87-102.

Shellabear, W.G. (ed.) (1961), *Sejarah Melayu*, Singapura: Malaya Publishing House.

Shafie Abu Bakar (1989), "Kitab al-Durr Al-Manzum dan Kitab al-Luma' Sebagai Pancaran Budaya Ilmu di Melaka: Permasalahan Dan Pengaruh Lanjutannya," Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 21-23 Ogos 1989.

Pires, Tome (1944), *The Suma Oriental of Tome Pires: An Account of the East, From the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512-1515*, A. Cortesao (ed.), 2 Jil., London: The Hakluyt Society.

Pinto, P. J. De Sousa (2012). *The Portuguese and the Straits of Melaka, 1575-1619: Power, Trade and Diplomacy*. Singapore: NUS Press.

Syed Farid Alatas (2014), *Applying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*, London: Routledge.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2011), *Historical Fact and Fiction*, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2015), *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu: Juma'at, 4 haribulan Rajab, 702 Hijrah bersamaan 22 haribulan Februari, 1303 Masihi*, Muhammad Zainiy Uthman (terj.), Kuala Lumpur: CASIS.

Williams, John Alden (terj.), (1985). *The History of al-Tabari, Vol. XXVII: The 'Abbasid Revolution*, New York: State University of New York Press.

Wolters, O. W. (1970), *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Ithaca: Cornell University Press.

Zarifah Arsani (2017), "Analisis Teks 'Rihlah Ibn Battutah' tentang Pengaruh Islam Terhadap Sejarah Politik dan Kebudayaan di Alam Melayu pada Kurun Ke-14: Tumpuan Kepada Kerajaan Samudera Pasai," Tesis Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.